

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MCA KE-49

TEMPAT: WISMA MCA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 27 JUL 2002

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana sekali lagi memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung MCA Ke-49 ini. Kepada para perwakilan sekalian saya berharap Perhimpunan ini akan dapat menyelesaikan masalah dalam MCA dan seterusnya mengukuhkan Barisan Nasional supaya kita dapat memberi lebih banyak sumbangan kepada Kerajaan dan negara.

2. Kita tidak dapat nafikan bahawa kejayaan kita selama BN menerajui negara adalah kerana kemampuan kita memimpin rakyat berbilang kaum di negara ini. Kaum Cina telah banyak menerima faedah dan manfaat daripada usaha-usaha Kerajaan BN yang sentiasa menitikberatkan keselesaan dan kesejahteraan hidup rakyat. Usaha-usaha pembangunan dan perkembangan ekonomi telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan semua rakyat hingga tidak ada yang tercicir. Kaum Cina khususnya mendapat banyak manfaat daripada usaha Kerajaan untuk memulih ekonomi negara, dalam bidang mana kebanyakan rakyat keturunan Cina mengambil bahagian. Dengan itu pendapatan isi rumah kaum Cina telah meningkat disebabkan terdapat lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Di sebaliknya kemudahan awam yang dibekalkan oleh Kerajaan dapat dinikmati bersama oleh kaum-kaum lain di Malaysia.

3. Kita dapat menjalin hubungan yang baik antara kaum dan ini dapat menstabilkan negara. Persefahaman dan hubungan baik ini hanya dapat dicapai jika kita semua, iaitu semua kaum di Malaysia bersikap sederhana dan sanggup bercampur gaul semasa bekerja, bermain dan dalam aktiviti sosial kita. Jika kita tidak bercampur gaul maka kita tidak akan faham budaya kaum-kaum lain dan kita tidak akan sensitif terhadap pantang larang mereka dan sensitiviti agama mereka.

4. Generasi dewasa sekarang telah dapat bercampur gaul dan dengan itu dapat memahami cara-cara mengelak daripada membuat atau memperkatakan sesuatu yang boleh menyentuh sensitiviti kaum lain. Adalah di khawatiri generasi akan datang mungkin tidak dapat bergaul dan tidak dapat bersikap sensitif.

5. Sebenarnya pengasingan antara kaum di kalangan

generasi muda sekarang sudah menjadi lebih luas dan jauh. Semasa saya berada di universiti dahulu rakan sebilik saya ialah penuntut Cina dan saya dan dia juga tidak menghadapi apa-apa masalah bahkan kami adalah kawan baik. Sehingga hari ini ia terus berbudaya Cina dan saya tidak kurang Melayu dan tidak kurang Islam. Kita dapati sekarang penuntut di universiti terpisah dengan begitu jauh sehingga mereka tidak dapat duduk bersebelahan dalam bilik kuliah atau dewan. Kita lihat penuntut Cina di satu tempat, India di tempat lain dan Melayu berasingan. Ternampak jelas tidak ada persaudaraan kewarganegaraan antara mereka.

6. Puak ekstrim kaum daripada semua kaum menggalak perpisahan antara kaum ini. Mereka menentang apa-apa usaha untuk mendekatkan kaum-kaum di Malaysia. Mereka hendak generasi muda terutamanya dipisah dengan cukup jauh supaya tidak ada langsung interaksi antara mereka. Bangunan sekolah pun tidak boleh dekat.

7. Perbuatan ini amat merbahaya bagi negara. Jika kita daripada kaum-kaum yang begitu berbeza tidak belajar semasa kecil untuk hidup bersama, maka kita tetap tidak akan dapat hidup berharmoni apabila besar dan dewasa. Hubungan antara kaum akan menjadi lemah dan mudah jadi tegang. Sedikit sahaja perselisihan antara kaum dan ia akan meletup.

8. Kita lihat ini kerap berlaku di negara-negara berbilang kaum yang lain. Demikianlah buruknya hubungan antara kaum mereka sehingga peperangan sering berlaku yang tidak dapat dihentikan.

9. Sebenarnya ekstrimisme membuahkan ekstrimisme "extremism breed extremism". Apabila satu kaum mempunyai orang yang ekstrim yang tidak menghormati perasaan kaum lain, maka kaum lain pula akan mengadakan kumpulan ekstrim. Tiap kali satu pihak menunjuk sikap ekstrim maka kumpulan ekstrimis daripada kaum lain akan membalas dengan perbuatan yang lebih ekstrim. Demikian 'escalation' akan berlaku sehingga sampai ke tahap bermusuh secara terbuka.

10. Kita boleh lihat apa yang berlaku pada tahun 1969. Pada tahun itu jelas terasa hubungan yang buruk di antara orang Melayu dan orang Cina kerana masalah-masalah politik dan ekonomi. Kita bernasib baik kerana kita mempunyai pemimpin yang waras dan sederhana dalam Perikatan dan pemimpin-pemimpin ini dapat menenangkan keadaan. Juga pada masa itu terdapat ramai daripada semua kaum yang mempunyai kawan daripada kaum-kaum lain dan mereka dapat berunding dan menyelesaikan masalah antara mereka.

11. Sementara orang Melayu diberi jaminan akan mendapat bahagian yang berpatutan dalam bidang ekonomi, orang Cina diberi jaminan sekolah Cina tidak akan

dihapuskan dan sebuah institusi pelajaran tinggi untuk orang Cina ditubuhkan dengan bantuan Kerajaan. Gaji guru-guru di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ditanggung oleh Kerajaan. Walaupun peratusan orang Cina kurang daripada orang Melayu, peratusan ekonomi bagi orang Cina dipersetujui lebih tinggi daripada orang Melayu dalam Dasar Ekonomi Baru.

12. Jika tidak ada hubungan dan persahabatan diantara pemimpin Melayu dan Cina, tidak mungkin penyelesaian yang adil ini dicipta. Kita lihat bagaimana berbeza dan kerasnya pendirian di antara Melayu dari parti lawan dengan Cina dari parti lawan. Jika mereka memerintah penyelesaian kepada peristiwa 1969 tidak mungkin dicapai.

13. Yang kita khawatiri ialah oleh kerana sikap ekstrim satu kumpulan orang Cina sekarang, maka sokongan orang Melayu kepada ekstrimis Melayu dan parti Melayu yang keterlaluan akan meningkat. Oleh kerana generasi muda kedua-dua kaum tidak pernah berkenal-kenalan dan bersahabat, rundingan untuk menyelesaikan masalah tidak dapat dibuat. Konfrontasi akan berlaku dan dengan mudah rusuhan seperti pada tahun 1969 akan menurut. Parti DAP mungkin tidak senang dengan kenyataan ini tetapi jika kita lupa sejarah kita akan mengulangi kesalahan dahulu berkali-kali.

14. Kita telah cuba mengadakan sekolah kebangsaan untuk semua kaum. Di mana-mana negara lain pun terdapat hanya satu jenis dan sistem pelajaran untuk semua. Sekolah untuk kaum lain yang dibiayai oleh Kerajaan tidak pernah diadakan di mana-mana negara lain, maju atau membangun. Malangnya kita dapati minat untuk bersekolah bersama di sekolah kebangsaan amat berkurangan. Ramai kanak-kanak keturunan Cina memilih untuk ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Peluang untuk murid sekolah daripada pelbagai kaum untuk bercampur gaul semakin lama semakin kurang.

15. Memandangkan keadaan ini Kerajaan merancang untuk mendekatkan sekolah Kebangsaan dengan sekolah jenis Kebangsaan. Tidak ada niat untuk menukar sekolah Cina kepada sekolah Kebangsaan. Undang-undang telah dipinda supaya ini tidak dapat dibuat. Hanya yang kita ingin lihat ialah dalam aktiviti sukan dan perhimpunan-perhimpunan, murid-murid sekolah dapat berjumpa, bergaul dan berinteraksi. Ini akan mendedahkan anak-anak Melayu, Cina dan India kepada semua kaum dan bukan satu kaum mereka sahaja. Apabila mereka besar maka dapatlah mereka menjadi rakyat Malaysia yang sedar dan toleran terhadap kaum-kaum yang terdapat di Malaysia.

16. Malangnya niat yang baik untuk masa depan Malaysia telah dituduh oleh puak ekstrimis sebagai usaha untuk menghapuskan sekolah Cina. Perkara ini dipolitikkan oleh parti lawan dan kadang-kadang oleh parti-parti

dalam Barisan.

17. Jika kita ikut ekstrimis kaum kita, kaum lain juga akan ikut ekstrimis kaum lain. Sekarang ini saya akui ekstrimis kaum Melayu sudah mendapat sokongan. Mereka sudah bertambah. Sikap toleransi kepada kaum lain sudah berkurangan sekarang. Dalam pilihanraya kecil baru-baru ini orang Cina cuba ditakutkan dengan membawa beribu-ribu ekstrimis Melayu yang ganas supaya orang Cina tidak boleh mengundi, supaya mereka tidak dapat hak sebagai rakyat Malaysia yang demokratik. Saya percaya jika puak ini berjaya dengan menggunakan taktik ini dan mereka berkuasa, atau mengurang sokongan kepada Melayu yang sederhana, maka negara tidak lagi akan memperlihatkan keadilan kepada semua kaum. Mereka sudah pun menunjuk hasrat mereka di negeri-negeri yang mereka memerintah, untuk menolak hak kaum lain.

18. Inilah hasil daripada ekstrimisme yang ditunjuk oleh sebahagian daripada kaum Cina. Mereka bermain dengan api dan akhirnya mereka akan dibakar dengan api yang mereka nyalakan. Oleh itu cubalah kurangkan jarak perpisahan antara kaum terutama di kalangan generasi muda yang akan mewarisi negara kita bersama yang tercinta ini.

19. Dalam usaha menjalinkan hubungan yang rapat antara kaum di Malaysia parti-parti dalam Barisan Nasional mestilah kuat. Apabila parti lemah atau pemimpin lemah, atau mereka bersengketa, maka agak mudah mereka tertarik dengan ekstrimisme untuk mendapat sokongan. Jika ini berlaku maka ini juga akan menyebabkan parti-parti komponen yang lain dalam BN mengguna perkauman yang ekstrim untuk melawan sesama parti komponen BN. Akhirnya BN akan lemah dan parti lawan akan perolehi kemenangan by 'default'. Ingatlah jika kita mempunyai majoriti yang kecil, kita tidak dapat tegas dalam memerintah negara. Pemerintahan yang tidak kuat tidak akan dapat menangani masalah perkauman.

20. Di negara maju tidak banyak kelainan di antara parti-parti yang bertanding. Di Malaysia parti lawan mempunyai sikap radikal dan tidak toleran. Jika mereka menang segala-segala yang ada di Malaysia akan berubah seperti yang kita lihat di Kelantan dan Terengganu. Negara akan menjadi mundur dan rakyat akan merasa tertekan. Tidak ada kebebasan bagi budaya, bahkan agama yang tidak secocok dengan mereka.

21. Sebab itulah kita tidak boleh benarkan parti komponen BN terutama yang besar menjadi lemah kerana selisih faham dalam parti. Untuk menyelesaikan selisih faham kita perlu bertolak ansur, 'give and take'. Tidak ada pihak yang mesti menang. Yang mesti menang ialah parti dan parti akan menang jika kita beri keutamaan kepada parti dan bukan kepada mana-mana pemimpin parti atau kelompok dalam parti.

22. Nasib masa depan orang Cina di Malaysia bergantung kepada kekuatan parti-parti yang mewakili orang Cina dalam BN. Demikian juga nasib orang Melayu bergantung kepada kekuatan parti UMNO dalam BN. Pertikaian dalam parti komponen BN, perselisihan faham antara pemimpin parti komponen akan memberi peluang kepada puak ekstrimis berpengaruh dan berkembang. Dengan itu masalah dalam parti komponen dan perpecahan akan menjadi lebih teruk. Dan BN akan menjadi lemah. Jangan fikir BN tidak boleh dikalahkan. Ia boleh dikalahkan bukan kerana parti lawan lebih kuat atau lebih baik, tetapi kerana kelemahan BN, kerana kelemahan parti-parti komponen BN.

23. Dunia kagum dengan keharmonian antara kaum di Malaysia. Keadaan yang baik ini ialah kerana konsep yang dicipta oleh pengasas UMNO, MCA dan MIC dalam Perikatan yang diteruskan oleh Barisan Nasional. Parti-parti lawan telah cuba meniru konsep ini tetapi oleh kerana mereka dari parti yang ekstrim, kerjasama mereka tidak dapat dikekalkan. Parti DAP sudah keluar daripada Barisan Parti lawan, dan Parti Keadilan dan Parti Rakyat ada sebagai nama sahaja. Mereka wujud kerana mereka boleh diperalatkan oleh PAS. Apabila mereka tidak berguna lagi mereka akan diketepikan.

24. Yang jelas ialah campuran seperti Barisan Nasional hanya boleh dihasilkan dari parti yang sederhana dan kuat. Jika kita sendiri tolak kesederhanaan dan kita bersengketa sesama sendiri, dalam parti komponen atau antara parti komponen, kehormatan yang kita lihat ini akan hilang. Kita akan menjadi seperti di kebanyakan negara membangun yang lain, tidak stabil, tidak maju dan tidak selamat.

25. Justeru itu konsep dan asas Barisan Nasional is bigger than any of us, no matter how great a leader we are, no matter how popular we think we are. As you know I have decided to step down. Nobody pushed me down. It is a decision I took myself. It is a decision I took because I believe the time has come for me to hand over the leadership of UMNO and Barisan Nasional to another person. By tradition the Deputy President of UMNO succeeds the President. And so I have endorsed Dato Seri Abdullah Badawi as the President of UMNO.

26. It is a tradition also that the President of UMNO, the biggest party in the Alliance and the Barisan Nasional to chair the coalition. As head of the coalition he becomes the head of the biggest party in Parliament. As such he will become the Prime Minister and he will have the right to nominate members of his cabinet. Although this is his right, he must also follow tradition in the appointment of members of the Cabinet so that all the component parties representing

all the races will be represented.

27. Nothing has been written down about these things in full in our Constitution. It is a tradition which we follow. It is a tradition that has enabled us to effect changes in the leadership of the Government smoothly. This smoothness in carrying out changes in Malaysia is very important for our stability and prosperity.

28. So I hope MCA will uphold this tradition and give its full support to YAB Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi when he takes over to become the new Prime Minister, the fifth Prime Minister of Malaysia.

29. I should end here by saying "Long Live BN, long live MCA and long live interacial cooperation in Malaysia".

30. Dengan ini dengan sukacitanya saya merasmikan Mesyuarat Agung MCA yang ke 49, 2002.